



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 19 JANUARI 2026

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	5,329 NELAYAN ASING CEROBOK NEGARA, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 7	LAIN – LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/1/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	7

5,329 nelayan asing ceroboh negara

PETALING JAYA: Seramai 5,329 nelayan asing dengan nilai rampasan berjumlah RM203.44 juta ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) menerusi Op Naga sejak Mei 2019 hingga tahun lalu.

Ketua Pengarah Maritim Malaysia, Datuk Mohd. Rosli Abdullah berkata, tangkapan itu menerusi 628 vessel nelayan asing (VNA) dalam Op NAGA sepanjang tempoh terbabit.

Katanya, operasi tersebut yang digerakkan secara berterusan bagi mengekang pencerobohan kapal asing menjalankan aktiviti perikanan haram dalam Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Malaysia.

“Sejak Mei 2019 hingga Disember lalu, sebanyak 628 VNA yang ditahan dengan 5,329 kru dan RM203.44 juta pelbagai rampasan.

“Daripada jumlah itu, sebanyak 469 VNA adalah dari Vietnam, Indonesia (112), Thailand (59) dan China (10).

“Tangkapan tertinggi pada 2019 iaitu 197 VNA, 2020 (135), 2021 (100), 2022 (56), 2023 (56), 2024 (65) dan 2025 sebanyak 19 VNA,” katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Menurutnya, hasil rampasan pada tahun 2019 di-



MOHD. ROSLI ABDULLAH

rekodkan sebanyak RM24.4 juta; 2020 (RM5.16 juta), 2021 (RM35.4 juta); 2022 (RM13.2 juta), 2023 (RM5.98 juta), 2024 (RM106.7 juta) dan tahun lepas sebanyak RM12.6 juta.

Jelasnya, nilai rampasan mencecah ratusan juta ringgit membuktikan komitmen berterusan Maritim Malaysia dalam memastikan keselamatan perairan negara, melindungi sumber perikanan dan mempertahankan kedaulatan maritim Malaysia.

“Kita tidak akan berkompromi terhadap pencerobohan perairan negara dan akan mempertingkatkan operasi demi mengurangkan kerugian kepada negara,” katanya.